**AKSI SETEMPAT**

Arena mengalu-alukan sebarang aktiviti sukan di pelbagai peringkat untuk disiarkan di akhbar ini. Gambar serta keterangan ringkas boleh dihantar ke **sukan@hmetro.com.my**



PASUKAN UTM ceria rai kejayaan.

# JAGOAN DAYUNG MASUM

## UTM ungguli acara mendayung, kayak

Kuala Lumpur

Pasukan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) cemerlang apabila mendominasi Kejohanan Sukan MASUM Dayung dan Kayak 2015 di Komplek Sukan Air, Presint 6, Putrajaya baru-baru ini.

Pasukan mendayung lelaki UTM muncul juara keseluruhan dengan pungutan 2 emas, 1 perak dan 2 gangsa.

Emas UTM disumbang pasukan Coxless Four lelaki yang menewaskan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan Universiti Teknikal Melaka (Utem) di tempat ketiga.

Pasangan Yon Kong Chen dan Muhamad Afiq Rosland menyumbang emas kedua dalam acara lightweight double scull mengatasi pasangan UTHM, Joshua Paulraj dan Muhammad Fikri Mohd Fadzillah serta ketiga Abdul Rashid A Hassan dan Mohammad Fakhrullah Mohd Fadzilah dari Universiti Islam Antarabangsa (UIAM).

Sementara itu pasukan kayak wanita UTM turut cemerlang selepas muncul juara keseluruhan dengan pungutan 2 emas dan 1 perak. Mereka menewaskan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan ketiga UTHM.

Emas UTM disumbang Nor Fatinah Olleh dalam acara K1 500 meter menewaskan Noor Azira Ibrahim dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan ketiga Sally Ann Yap Yu Ine (UNIMAS).

Satu lagi emas disumbang Nurain Zainalabidin dalam acara TK1 500m dengan naib juara milik Ronazia Kapak (UNIMAS) dan ketiga Mazaitul Akma Suhaimi dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Selain itu, pasukan mendayung wanita UTHM muncul juara keseluruhan kategori wanita dengan 3 emas dan 2 perak, UTM di tempat kedua dan UniSZA, ketiga.

Juara keseluruhan kategori kayak Lelaki dimenangi pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan 2 emas, 1 gangsa, manakala UTHM di tempat kedua dan UniSZA, ketiga.

Keseluruhan 12 acara mendayung bagi jarak 1000m, lapan acara kayak bagi jarak 500m dan 1000m yang dipertandingkan membabitkan 20 pasukan universiti tempatan.

Kejohanan anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) itu dikendalikan UTM dengan kerjasama Persatuan Mendayung Malaysia (PERDAMA), Perbadanan Putrajaya dan Persatuan Kenu Malaysia (MASCA).

Hadiah disampaikan Pengarah Pusat Sukan UTM Abdul Malik Abdul Ghani yang juga Presiden PERDAMA.